



**JABATAN TENAGA KERJA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**GARIS PANDUAN PENGIKLANAN KEKOSONGAN JAWATAN
MELALUI SEBARAN AM**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk melengkapi peruntukan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (AAPS 1981) dalam memberi maklumat kepada Agensi Pekerjaan Swasta, Pihak Berkuasa Tempatan, majikan, syarikat pengiklanan, dan penerbit-penerbit bahan bercetak mengenai peraturan yang mengawal iklan kekosongan jawatan yang disebarkan kepada orang ramai.

2. TAKRIF ISTILAH

2.1 Sebaran Am

Apa-apa saluran atau medium yang digunakan bagi tujuan pengiklanan kekosongan jawatan.

2.2 Iklan

Iklan termasuk sebarang notis, pekeling, laporan, ulasan, risalah, label, pembalut atau dokumen lain, dan sebarang pengumuman yang dibuat secara lisan atau dengan cara menerbitkan atau mengeluarkan cahaya atau bunyi.

3. SEBARAN AM

Saluran atau medium yang digunapakai dalam pengiklanan meliputi:

- 3.1 Media yang berpengkalan, berdaftar dan diterbitkan atau diedarkan di Malaysia.
- 3.2 Surat khabar
- 3.3 Majalah

- 3.4 Direktori
- 3.5 Brosur, Risalah dan Lembaran
- 3.6 Papan Iklan
- 3.7 Kain Pemidang
- 3.8 Laman Web
- 3.9 Radio, Televisyen, Televisyen kabel, Panggung Wayang dan Video Dalaman
- 3.10 Medium-medium lain yang boleh menyebarkan maklumat pengiklanan.

4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Agensi Pekerjaan Swasta (APS), Pihak Berkuasa Tempatan, Majikan, Syarikat Pengiklanan dan Penerbit-penerbit bahan bercetak perlu memastikan sebarang iklan berkaitan kekosongan jawatan hendaklah:

- 4.1 mengandungi fakta yang betul dan boleh disahkan. Ia tidak boleh keterlaluan, palsu, mengelirukan atau memperdayakan.
- 4.2 Bagi APS, sesuatu iklan kekosongan jawatan mestilah mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:
 - i. Nama APS
 - ii. Nombor telefon, alamat pejabat dan laman sesawang (website)
 - iii. Nombor lesen APS (berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK))
 - iv. Tempoh sah lesen
 - v. Nama jawatan (jika lebih dari 2 jawatan yang ditawarkan memadai dengan menyatakan jawatan terendah hingga jawatan tertinggi)
 - vi. Kadar gaji yang ditawarkan
 - vii. Bilangan kekosongan, kelayakan, had-had serta syarat-syarat pekerjaan.
- 4.3 Semua pengiklanan kekosongan jawatan di luar negara perlulah melalui APS dan mendapat pengesahan JTK terlebih dahulu.
- 4.4 Individu atau agensi yang tidak berlesen dengan JTK mengiklankan kekosongan jawatan boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 32(1) AAPS 1981.
- 4.5 Sebarang bentuk pengiklanan kekosongan jawatan di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mendapat pengesahan JTK terlebih dahulu.

- 4.6 Syarikat Pengiklanan dan Penerbit-penerbit bahan bercetak hendaklah memastikan maklumat pengiklanan kekosongan jawatan mematuhi maklumat-maklumat yang ditetapkan.
- 4.7 Bagi majikan yang tidak menggunakan perkhidmatan APS, sesuatu iklan kekosongan jawatan mestilah mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:
- i. Nama syarikat
 - ii. Nombor Pendaftaran syarikat
 - iii. Nama jawatan (jika lebih dari 2 jawatan yang ditawarkan memadai dengan menyatakan jawatan terendah hingga jawatan tertinggi)
 - iv. Kadar gaji pokok yang ditawarkan
 - v. Elaun-elaun lain yang ditawarkan
 - vi. Bilangan kekosongan, kelayakan, had-had serta syarat-syarat pekerjaan.

Disediakan Oleh:

**Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
21.02.2012**